

18/03/1997

Negeri elak untung jangka pendek: PM (HL)

Shariffudin Mohamed; Noorwati Salleh; Sariha Mohd Ali
KUANTAN, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu kerajaan negeri mengetepikan keuntungan jangka pendek dalam usaha menarik pelaburan besar-besaran ke negeri mereka, supaya pendapatan yang diperoleh nanti, bukan saja meningkat, malah kekal untuk jangka panjang.

Menurut Perdana Menteri, langkah mengenakan harga tanah yang terlalu tinggi untuk pelabur, selain pelbagai syarat tertentu, hanya dikenakan oleh kerajaan negeri yang mahukan wang daripada pendapatan segera.

Semua syarat itu, yang berupa tambahan kepada syarat Kerajaan Pusat, hanya akan mengurangkan pelaburan ke negeri berkenaan dan apabila ia kurang, pendapatan negeri juga akan berkurangan.

"Oleh itu, kerajaan sama ada negeri atau Persekutuan perlu positif dalam hal ini. Kita boleh memperoleh pendapatan segera melalui penjualan harga tanah yang tinggi dan mengenakan syarat tertentu seperti orang tempatan mendapat layanan istimewa.

"Tetapi ini hanya mengurangkan pelaburan dalam negeri dan boleh mengakibatkan pendapatan berkurangan. Saya dapati apabila kerajaan negeri mempunyai sikap mudah berkira dan cepat buat keputusan, ia dapat membangunkan negerinya dengan lebih pesat.

"Sebaliknya jika mengenakan syarat, minta itu dan ini sebagai tambahan kepada syarat Kerajaan Pusat, akhirnya negeri tidak dapat dibangunkan dan pendapatan tidak meningkat," katanya.

Perdana Menteri memberitahu pemberita demikian selepas merasmikan serentak Malaysia Electric Corporation Bhd (MEC) dan Bandar MEC di Gambang, kira-kira 25 kilometer dari sini, hari ini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob; Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin Chik; dan Menteri Sumber Manusia, Datuk Lim Ah Lek.

Bandar MEC dimajukan oleh MEC Bhd, anak syarikat Kuala Lumpur Industries Holdings (KLIH) Bhd. Kerajaan Persekutuan melalui Khazanah Holdings Bhd memegang 30 peratus ekuiti.

Dr Mahathir berkata, sejak Mohd Khalil mengambil alih tampuk pemerintahan Kerajaan Pahang, belanjawan tahunannya meningkat daripada RM180 juta kepada RM780 juta.

Ini, katanya, menggambarkan kemampuan kerajaan untuk membawa pembangunan yang boleh mendatangkan keuntungan. Sehubungan itu, kerajaan negeri patut mempunyai sikap yang selari dalam usaha membawa pelaburan besar-besaran ke negeri masing-masing.

Perdana Menteri menyifatkan MEC, yang mengeluarkan pelbagai barangan elektrik, sebagai satu lagi usaha sokongan kerajaan untuk mencuba secara besar-besaran bagi memperkenalkan barangan jenama Malaysia.

"Pada masa ini, kita sudah membeli barangan dari negara asing, bahkan kita menguasai teknik dan teknologi membuat barangan itu tetapi kita tidak begitu yakin dengan penggunaan jenama kita.

"Saya yakin kilang MEC menjadi satu kawasan perindustrian tersendiri yang terbesar kerana kawasannya seluas 1,200 hektar. Pembekal dan vendor turut berpeluang memasuki industri pengeluaran barangan elektrik itu bagi mengeluarkan komponen tertentu," katanya.

Dr Mahathir berkata, penubuhan Bandar MEC itu juga dapat membantu memenuhi hasrat kerajaan mewujudkan lebih ramai usahawan Bumiputera kelas menengah.

"Saya yakin di sini akan ada peluang untuk kita memperkenalkan usahawan Bumiputera dengan membabitkan diri dalam bidang pembuatan komponen melalui pakatan sesama sendiri," katanya.

(END)